

Headline	Balasan isteri curang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	56	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,873



Johor Bahru: Akibat curang hingga terlanjur dengan suami orang, seorang wanita sudah berkahwin dan mempunyai enam anak kini derita kerana disahkan menghidap HIV.

Kakitangan kerajaan berusia 41 tahun itu yang mahu dikenali sebagai Nor menganggap penderitaannya sekarang sebagai balasan Tuhan kerana curang kepada suaminya.

Dia yang ditemui ketika sesi kaunseling di Rumah Sinar Sofia Rahayu Rahmat di sini, semalam, berkata dia berpisah sementara dengan suaminya dua tahun lalu kerana masalah rumah tangga.

“Suami banyak kali memujuk saya kembali namun saya enggan.

“Ketika itu saya tinggal di Perak bersama anak bongsu berusia tiga tahun (ketika itu) manakala suami tinggal di sini dengan lima anak.

“Ketika di Perak, saya tinggal di rumah rakan dan

Balasan isteri curang



NOR (kanan) menceritakan kisah hidupnya ketika sesi kaunseling di Rumah Sinar Sofia Rahayu Rahmat, Taman Perling, semalam.

berkenalan dengan Arman, seorang anggota tentera,” katanya.

Menurut Nor, Arman yang berumur 39 tahun kerap berkunjung ke rumah rakannya itu dan hubungan

mereka semakin rapat, apabila lagi lelaki itu mendakwa dia juga kesunyian kerana isteri serta dua anaknya berada di Kelantan.

“Arman pernah menyatakan hasratnya untuk

menjadikan saya isteri kedua menyebabkan kami terlanjur beberapa kali dan saya terfikir untuk bercerai dengan suami untuk berkahwin dengan Arman.

“Bagaimanapun, hubungan kami tidak lama apabila ia disedari isteri Arman dan tidak lama selepas itu, saya mengambil keputusan pulang ke pangkuan keluarga,” katanya.

Nor berkata, dia hanya menyedari menghidap HIV positif selepas menjalani pemeriksaan kesihatan berikutan sering tidak sihat.

“Saya amat terkejut apabila dimaklumkan menghidap HIV.

“Suami juga melakukan pemeriksaan tetapi dia disahkan bebas daripada HIV. Bagaimanapun, suami tidak memulaukan saya malah memaafkan perbuatan saya itu,” katanya.